

20 AUG 2002

Bunyamin-polis

BUNYAMIN BERI KENYATAAN KEPADA POLIS

KOTA BAHARU, 20 Ogos (Bernama) -- Bekas anggota Parlimen Bachok, Bunyamin Yaakob, hari ini hadir di Ibu Pejabat Polis Kontinjen Kelantan bagi memberi kenyataan berhubung dakwaannya kononnya Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan cucu Perdana Menteri itu menonton video lucu.

Penceramah Pas itu tiba dengan sebuah kenderaan pada 10.30 pagi ini bersama seorang pembantu, dan diiringi beberapa orang termasuk Penasihat Undang-undang Pas Kelantan, Takiyuddin Hassan. Beliau meninggalkan perkarangan IPK pada pukul 3.10 petang ini, selepas selesai memberi kenyataan.

Rabu lepas, Ketua Jabatan Siasatan Jenayah Kelantan, ACP Abdul Rahim Jani, berkata polis gagal mendapatkan keterangan daripada Bunyamin yang dipercayai menghilangkan diri dan berada di negeri lain.

Bunyamin, 51, pada ceramah Pas di Pusat Tarbiyah Islamiah Kelantan di Pengkalan Chepa, pada 15 Mac lepas mendakwa kononnya Dr Mahathir dan cucunya menonton video lucu. Petikan ceramah itu disiarkan menerusi Radio Televisyen Malaysia baru-baru ini dan susulan itu, tiga aduan polis dibuat di Kuala Terengganu, Pasir Mas (Kelantan) dan di Baling, Kedah.

Takiyuddin, yang juga anggota exco kerajaan Kelantan, ketika ditemui di IPK menafikan kononnya Bunyamin sengaja menghilangkan diri, sebaliknya dalam tempoh itu beliau berada di Kelantan dan mendapatkan rawatan bagi penyakit buah pinggang.

Menurutnya Bunyamin telah bekerjasama penuh dengan memberikan keterangan secara bersendirian kira-kira empat jam kepada Ketua Siasatan Jenayah Kota Baharu, DSP Haniffa Abdul Kader.

Ditanya bagaimana Bunyamin tidak mengetahui bahawa polis sedang mencarinya, Takiyuddin berkata: "Kita tidak dihubungi...mungkin polis ada cara dia sendiri untuk beritahu."

Abdul Rahim pula berkata polis jangka dapat mempercepatkan siasatan kes itu setelah memperolehi keterangan daripada Bunyamin tetapi soal sama ada dia akan didakwa atau tidak, bergantung kepada Timbalan Pendakwa Raya Kelantan.

Menurutnya beliau akan mengkaji keterangan yang diberikan oleh Bunyamin hari ini dan sekiranya polis berpuas hati dengan maklumat yang diberikan, bekas wakil rakyat itu tidak perlu lagi menemui polis tetapi jika sebaliknya, polis akan memanggilnya semula.

Beliau juga berkata polis hampir menyelesaikan siasatan kes itu mengikut Seksyen 4(1)(b) Akta Hasutan 1948 setelah mengambil keterangan daripada lebih 20 orang saksi di seluruh negara termasuk wartawan.

Sesiapa yang didapati bersalah mengikut akta itu, boleh dihukum penjara tidak lebih lima tahun, atau didenda atau kedua-duanya sekali.

Jumaat lepas, Dr Mahathir berkata Bunyamin berasa bersalah terhadap fitnah yang dibuat itu hingga terpaksa menyembunyikan diri.

-- BERNAMA

RAR MAI